

11 OCT 2002

PERDANA MENTERI LAKUKAN KUNJUNGAN BALAS KE BRUNEI

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini berlepas ke Brunei untuk mengadakan lawatan balas bersempena Perundingan Tahunan ke-6 antara beliau dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.

Tahun ini adalah giliran Brunei menjadi tuan rumah perundingan tahunan itu.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali berlepas dari Lapangan Terbang TUDM, Subang.

Perbincangan itu yang dijadual berlangsung malam ini adalah mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang melibatkan kedua-dua negara.

Sejurus selepas perbincangan itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan diraikan dalam jamuan makan malam di Istana Nurul Iman.

Perdana Menteri dijadual pulang ke tanah air petang esok.

-- BERNAMA

FA AHH NMO